

PM belum dapat ilham rombak Kabinet

BH -
11/11/2006

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memulakan tugas kelmarin selepas bercuti sejak akhir bulan lalu, masih belum mendapat ilham untuk melakukan rombakan Kabinet.

"Tak dak... tiada ilham lagi," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas majlis sambutan Aidiladha dan jamuan tengah hari di Masjid Kubang Menerung dekat sini, semalam.

Ditanya bila beliau akan mendapat ilham, Abdullah sambil berseloroh berkata, ia boleh datang pada bila-bila masa dan tanpa disangka-sangka.

Menjawab soalan sama ada beliau akan mendapat ilham melakukan rombakan Kabinet dalam masa terdekat, Perdana Menteri berkata: "Tak tau lagi... malam ini pun boleh datang juga."

Sebelum bercuti akhir bulan lalu, Abdullah membayangkan rombakan Kabinet akan dilakukan pada bila-bila masa sebaik beliau mendapat ilham.

Berikutan itu, ramai membuat spekulasi kemungkinan Kabinet dirombak selepas Perdana Menteri pulang bercuti.

Ditanya kemungkinan ada menteri yang akan digugurkan, Abdullah berkata, beliau perlu meneliti perkara itu.

Perdana Menteri berkata, keutamaannya sekarang ialah memberi perhatian sepenuhnya kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Parlimen pada April depan.

Sebelum itu, dokumen berkenaan perlu dibentangkan kepada Kabinet.

"Kerja ini memerlukan sepenuh perhatian dan peranan daripada saya," katanya.

Mengenai tindakan Myanmar yang seolah-olah melambatkan lawatan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ke negara itu, Abdullah berkata, ia mungkin ada sebabnya.

Beliau berkata, keputusan mengenai lawatan itu baru diputuskan pada Sidang Kemuncak Asean ke-11, bulan lalu.

"Saya harap ia dapat dilakukan menjelang Mac depan," katanya.

Ditanya kemungkinan Asean boleh melakukan sesuatu tindakan ke atas negara itu, Abdullah berkata, perkara itu tidak perlu dan biar Syed Hamid melawat Myanmar dulu.

Lawatan itu sebelum ini dipersejujui Yangon atas desakan anggota Asean yang mahu melihat perubahan politik dan pelaksanaan demokrasi di negara itu.

Oleh Fazli Abdullah dan Faiza Zainudin

“ Bila dah ada ilham dan bila dah fikir, mungkin atau tidak mungkin (digugurkan), kita tengok dulu”

Abdullah Ahmad Badawi

Perdana Menteri

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
PERDANA